

06/09/1997

Tangani kejatuhan pasaran, sosial cara bersepadu

USAHA membanteras kejatuhan pasaran dan menangani masalah sosial perlu ditangani secara bersepadu oleh semua ahli Umno, tanpa membiarkan pemimpin tertinggi sahaja menanganinya.

Langkah itu penting bagi memantapkan keupayaan dan kekuatan rakyat untuk menghadapi serangan penyangak asing yang berhasrat melemahkan ekonomi negara yang diterajui Umno.

Wakil Pergerakan Pemuda Umno, Zaiyidi Awang Noh, berkata banyak pihak cemburu dengan kejayaan Malaysia kerana kedudukan negara dari segi geopolitik di Asia Tenggara, mempunyai potensi untuk menjadi negara maju.

"Orang Melayu pernah menjadi bangsa yang disegani di dunia kerana berjaya memerintah di rantau ini dan mempunyai jatidiri untuk menjadi bangsa contoh.

"Sehubungan itu, kita perlu membina kekuatan untuk menghadapi serangan pemikiran Barat dan tidak menafsir agama dari kaca mereka," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

Beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui orang Melayu mempunyai kekuatan dan mampu bersaing dengan bangsa lain yang maju di dunia.

"Kepemimpinan melalui teladan yang ditunjukkan Presiden parti perlu dihayati dan diamalkan semua ahli.

"Kejayaan membangunkan ekonomi negara melalui konsep perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional, membolehkan Malaysia yang dipimpin orang Islam dicontohi oleh bangsa lain," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan itu akan terhakis sekiranya gejala sosial, rasuah dan surat layang memburuk pemimpin menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat.

Sementara itu, ketika menyokong usul berkenaan, wakil Badan Perhubungan Umno Perak, Hamdi Abu Bakar, meminta ahli Umno supaya melengkapkan diri dengan ilmu teknologi maklumat (IT) bagi membantu kerajaan menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Usaha itu bukan hanya pada bahu pemimpin negara, sebaliknya kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab harus turut serta kerana ia adalah projek kita.

"Sehubungan itu, sudah tiba masanya bagi kita supaya menghentikan suara sumbang bahawa IT dan Internet adalah suatu yang merosakkan, sebaliknya berusaha mendalaminya," katanya.

(END)